

**INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY AND
COUNSELLING
(IJEPC)**
www.ijepe.com



**PENJEJAKAN MATA DALAM MENGANALISIS
PEMBACAAN PERIBAHASA BAKAL GURU BAHASA
MELAYU DALAM BUKU TEKS TINGKATAN 4 DAN 5**

*EYE-TRACKING IN ANALYZING THE READING OF PROVERBS AMONG
PRE-SERVICE MALAY LANGUAGE TEACHERS IN FORM 4 AND FORM 5
TEXTBOOKS*

Siti Raudhatul Jannah Iskandar Miza^{1*}, Nor Azwahanum Nor Shaid²

¹ Department of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Email: P143982@siswa.ukm.edu.my

² Department of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Email: azwahanum@ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.07.2025

Revised date: 31.07.2025

Accepted date: 21.08.2025

Published date: 25.09.2025

To cite this document:

Iskandar Miza, S. R., & Nor Shaid, N. A. (2025). Penjejakan Mata Dalam Menganalisis Pembacaan Peribahasa Bakal Guru Bahasa Melayu Dalam Buku Teks Tingkatan 4 Dan 5. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (59), 1146-1167.

DOI: 10.35631/IJEPC.1059085

Abstract:

Peribahasa telah menjadi salah satu perkara penting dalam silibus pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Pentingnya pelajar untuk memahami peribahasa dengan baik dipengaruhi oleh penyampaian guru yang berkesan. Justeru, pemahaman guru terhadap peribahasa juga sangat penting. Kajian ini meneliti pola pembacaan guru terhadap peribahasa Bahasa Melayu yang ada dalam Buku Teks Bahasa Melayu tingkatan 4 dan 5. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dan kualitatif yang melihat dari aspek data peranti penjejakan mata dan juga temu bual yang melibatkan 15 peserta kajian daripada pelajar Pendidikan Bahasa Melayu Fakulti Pendidikan. 46 ungkapan peribahasa dan 46 ungkapan peribahasa dalam konteks ayat digunakan sebagai instrumen kajian. Hasil kajian mendapati, ujian-T yang dijalankan menunjukkan bacaan yang signifikan antara peribahasa dan peribahasa dalam ayat di mana bacaan peribahasa lebih tinggi. Hal ini bermakna bakal guru mengalami kesukaran dalam membaca peribahasa sahaja berbanding dengan peribahasa yang mengandungi konteks ayat. Hasil dapatan disokong lagi dengan data temu bual peserta kajian yang menunjukkan bahawa konteks ayat membantu peserta membuat interpretasi makna dengan lebih mudah dan tepat. Dapatan ini memberikan implikasi penting terhadap keperluan latihan pengajaran yang menekankan pendekatan kontekstual sewaktu penyampaian peribahasa di dalam kelas.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Kata Kunci :

Peribahasa, Penjejakan Mata, Bakal Guru, Kefahaman, Kognitif

Abstract:

Proverbs have become one of the essential components in the Malay language curriculum in schools. The importance of students' understanding of proverbs is influenced by the effectiveness of teachers' delivery. Therefore, teachers' comprehension of proverbs is equally crucial. This study examines the reading patterns of trainee teachers towards Malay proverbs found in the Form 4 and Form 5 Malay Language Textbooks. This is a quantitative and qualitative study that analyses data from eye-tracking devices and interviews involving 15 participants from the Malay Language Education programme at the Faculty of Education. A total of 46 standalone proverbs and 46 proverbs embedded in sentence contexts were used as research instruments. The findings revealed that the T-test conducted indicated a significant difference in reading patterns between standalone proverbs and proverbs within sentences, with the former showing higher reading measures. This suggests that trainee teachers experienced greater difficulty interpreting standalone proverbs compared to those presented within contextual sentences. The findings are further supported by interview data, which showed that contextual sentences aided participants in interpreting the meanings more easily and accurately. These findings provide important implications for the need to emphasise contextual approaches in the teaching of proverbs in classrooms.

Keywords :

Proverbs, Eye-Tracking, Pre-Service Teachers, Comprehension, Cognition

Pengenalan

Peribahasa merupakan bentuk penyampaian boleh berubah mengikut peristiwa yang sedang berlaku iaitu corak dan bentuk sesuatu bahasa itu bergantung kepada siapa yang menuturkannya dan dalam suasana mana bahasa itu digunakan (Junaini Kasdan & Julaina Nopiah 2021; Nik Safiah Karim 1992). Peribahasa mengandungi makna tersirat yang hadir bersama perlambangan. Peribahasa yang juga mengandungi unsur kiasan yang ada menandakan bahawa bahasa peribahasa yang digunakan tidak membawa makna perkataan tersebut secara terus tetapi terdapat makna lain yang cuba disampaikan oleh penutur. Suatu perkataan, frasa atau ayat mempunyai maksud yang berlainan daripada makna harfiah perkataan-perkataan yang mendirikanannya (Asmah Haji Omar 2005). Kini, peribahasa menjadi antara isi pengajaran yang perlu dikuasai oleh murid. Pengetahuan guru yang luas tentang peribahasa berkemampuan memudahkan murid untuk memahaminya dengan lebih baik. Kajian penjejakan mata dilaksanakan untuk melihat pembacaan dan pemahaman guru mengenai peribahasa. Oleh kerana sifatnya yang memperkayakan Bahasa Melayu di Malaysia, ia dimasukkan ke dalam standard kandungan pendidikan di sekolah. Perkara ini memerlukan pelajar untuk memahami peribahasa dengan lebih baik. Guru sebagai agen penyampai yang baik perlu mahir dalam membantu murid untuk lebih faham tentang peribahasa ini kerana ia menjadi aspek penting dalam bidang pendidikan dan banyak terkandung di dalam buku teks.

Cabaran guru dalam melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran adalah tidak asing lagi. Guru menghadapi cabaran dari pelbagai sudut seperti silibus yang banyak, masa pengajaran yang singkat dan juga keupayaan murid yang berbeza dalam memahami pembelajaran. Kurikulum pendidikan sentiasa mengalami perubahan bagi memenuhi keperluan semasa. Guru perlu sentiasa mengemas kini kaedah pengajaran mereka agar selaras dengan silibus baharu. Cabaran timbul apabila perubahan ini berlaku dalam tempoh yang singkat dan guru tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk menyesuaikan diri. Setiap pelajar mempunyai tahap kemahiran berbahasa yang berbeza. Ada yang mahir dalam komunikasi lisan tetapi lemah dalam penulisan dan ada yang kurang berminat terhadap subjek ini. Guru perlu mencari pendekatan yang sesuai untuk memastikan semua pelajar dapat memahami dan menguasai Bahasa Melayu dengan baik. Oleh itu, guru perlu sentiasa bersedia lebih-lebih lagi dalam pembelajaran gaya bahasa yang memerlukan murid untuk menyingkap makna lain di sebalik makna literal seperti pengajaran peribahasa.

Kepentingan pemahaman guru tentang peribahasa akan mempengaruhi penyampaian ilmu peribahasa dalam pengajaran kepada pelajar dan pengetahuan isi kandungan mata pelajaran sangat kritikal kerana maklumat yang kurang tepat yang disampaikan oleh guru kepada pelajar mempengaruhi pembentukan pengetahuan dalam kognitif mereka. Mereka juga mempunyai kepercayaan bahawa guru yang mempunyai kurang pengetahuan akan mengalami kesukaran dalam mencabar pengetahuan pelajar (Abdull Shukor Shaari et. al 2004; Ball and Mcdiarmid 1990). Perkara ini lebih jelas lagi diterangkan bahawa penambahan pengetahuan isi kandungan mata pelajaran akan dapat meningkatkan prestasi pengajaran guru (Abdull Shukor Shaari et. al 2004; Everton, Hawley dan Zlotnik 1985).

Guru-guru mempunyai latar belakang kemahiran, pengetahuan, pengalaman silam dan psikologi yang berbeza. Penelitian mengenai pengetahuan dan pemahaman bakal guru dapat membantu meningkatkan lagi usaha dalam memastikan kualiti bakal guru sentiasa berada pada tahap yang baik (Habib Mat Som & Syed Kamaruzaman 2011). Menurut Fullan (1993), perbezaan yang ada menjadi pendorong semasa melakukan sebarang perubahan dalam pendidikan. Dalam erti kata yang lain, persediaan guru sangat penting bagi memastikan penerimaan pelajar terhadap pembelajaran yang dilaksanakan. Kajian ini bertujuan untuk melihat tahap pemahaman peribahasa daripada aspek psikologi dan juga linguistik bakal guru Bahasa Melayu melalui kajian penjejakan mata.

Salah satu teknologi yang membantu pengkaji dalam kajian yang meneliti kefahaman kognitif ini ialah peranti penjejakan mata atau '*Eye Tracking Device*'. Peranti berkenaan memaparkan beberapa data antaranya ialah bilangan tatapan yang berlaku pada *Area of Interest* iaitu (*Fixation count*), tempoh bagi setiap tatapan yang berlaku dalam AOI (*Fixation duration*), jumlah pergerakan mata yang keluar masuk (*Visit count*) dan tempoh pergerakan mata keluar dan masuk AOI (*Visit duration*). Selain itu, data juga dipersembahkan dalam bentuk visual iaitu tempoh tatapan (*Heatmap*) dan urutan pergerakan mata peserta yang direkodkan semasa sesi membaca (*Gazeplot*). Penjejakan mata tersedia dalam beberapa peranti kecil termasuklah sistem dengan tempat meletakkan dagu agar bahagian kepala peserta kajian akan lebih stabil dan sistem yang jauh boleh dikawal supaya pergerakan kepala menjadi terhad (Tad T. Brunye et. al 2019).

Kebolehan peranti ini membantu pengkaji untuk memahami bahasa melalui sudut yang berbeza iaitu dari perspektif mental. Hal ini demikian kerana faktor psikologi dalam pembelajaran pelajar berkait rapat dengan linguistik yang dipelajari (Siti Noridayu Abd Nasir & Hazlina Abdul Halim 2023). Bakal guru yang merupakan seorang pelajar juga mempunyai psikologi yang tersendiri dan memerlukan persediaan yang baik sebelum memulakan sesi pembelajaran bersama pelajar. Bakal guru yang mempunyai aktiviti mental yang baik menjadikan kualiti guru berada pada tahap yang tinggi. Tambahan pula, guru yang menguasai dengan pemahaman yang baik dapat menjana idea dan sikap positif dalam aktiviti pembelajaran terutama sekali dari aspek pengaplikasian dan bimbingan amalan berfikir yang dapat ditingkatkan (Nur Shahirah Mat Isa & Zamri Mahamod 2021).

Kajian Literatur

Guru merupakan individu yang bertanggungjawab dalam menyampaikan ilmu kepada individu yang lain iaitu murid dan pelajar. Modal insan yang terbina daripada pendidikan di sekolah merupakan hasil kebolehan guru tersebut. Para guru terutama sekali bakal guru dan guru novis perlu memiliki kemahiran dan kebolehan menjadi seorang yang profesional dan pakar dalam bidangnya (Zamri & Anita 2020). Kajian persepsi bakal guru terhadap kerjaya, peranan dan beban tugas profesion perguruan masa kini menunjukkan bahawa bakal guru sangat positif terhadap profesion perguruan (Nur Hidayah Hisham et. al 2021). Guru mempunyai minat dan kesediaan yang tinggi dalam bidang kerjaya ini. Mereka juga lebih bersedia dalam menerima cabaran termasuklah silibus yang perlu dilaksanakan dan diselesaikan dalam waktu yang ditetapkan. Ini termasuklah kandungan peribahasa yang perlu diajar walaupun tiada silibus khusus dan khas untuk peribahasa. Kesediaan ini memerlukan tahap pemahaman yang baik bagi bakal guru untuk menyelitkan juga aspek peribahasa dalam kandungan pengajaran.

Kajian yang dilakukan oleh Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohd. Mahzan Awang dan Chew Fong Feng (2017) berkenaan dengan tahap pemahaman, penghayatan dan pengamalan jati diri Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar aliran pendidikan di universiti awam. Kajian ini dijalankan bagi mengkaji tahap jati diri Bahasa Melayu dalam kalangan 1000 orang pelajar aliran pendidikan di lima buah universiti awam bertaraf universiti penyelidikan. Hasil kajian mendapati pelajar universiti awam secara amnya tetap mengekalkan jati diri Bahasa Melayu mereka. Pelajar-pelajar ini juga yang merupakan bakal guru mempunyai potensi dalam menyampaikan pengajaran bahasa Melayu dengan baik apabila jati diri Bahasa Melayu mereka masih lagi berada pada tahap yang baik. Namun, kajian ini hanya meneliti aspek jati diri bahasa Melayu kepada pelajar universiti secara umum tanpa mengecilkan skop kajian kepada bakal guru dan tidak menelusuri cara bakal guru tersebut memproses dan memahami peribahasa semasa membaca. Perkara ini menunjukkan keperluan kajian yang menumpukan kepada bakal guru Pendidikan Bahasa Melayu tentang pemahaman mereka terhadap peribahasa Melayu.

Kajian yang dilaksanakan mengenai keupayaan mengajar guru-guru Bahasa Melayu di Sekolah Menengah (Abdull Shukor Shaari et. al 2004) menunjukkan bahawa guru yang mempunyai pengalaman mengajar 1 hingga 10 tahun mempunyai bacaan yang rendah tentang pengetahuan isi kandungan pelajaran Bahasa Melayu. Kajian tersebut menunjukkan bahawa guru yang mempunyai pengalaman mengajar yang lama masih berhadapan dengan masalah pengetahuan yang rendah tentang Bahasa Melayu, ini sekali gus menunjukkan keadaan pengetahuan bakal guru yang belum mempunyai apa-apa pengalaman berkemungkinan berada pada tahap yang lebih rendah daripada itu. Keperluan untuk mengkaji secara kognitif dapat membuktikan

sejauhmanakah tahap pengetahuan bakal guru yang belum mempunyai pengalaman mengajar tentang peribahasa dilihat secara saintifik.

Peribahasa merupakan salah satu cara masyarakat untuk menyampaikan tujuan dalam pelbagai situasi. Peribahasa Melayu mempunyai kaitan yang rapat dengan kehidupan dan pemikiran bangsa Melayu. Sebagai salah satu daripada puisi tertua yang memaparkan akal budi bangsa Melayu, penciptaan peribahasa sangat terikat dengan adat istiadat Melayu lama (Zaitul Azma Zainon & Ahmad Fuad 2011). Suatu perkataan, frasa atau ayat mempunyai maksud yang berlainan daripada makna harfiah perkataan-perkataan yang mendirikanannya (Asmah Haji Omar 2005). Perkara ini jelas tergambar dalam penggunaan peribahasa yang sering bersifat kiasan dan tidak dapat difahami secara literal. Bakal guru perlu mempunyai pemahaman yang mendalam terhadap makna tersirat dan nilai budaya yang terkandung dalam peribahasa bagi membolehkan mereka menjelaskan maksudnya dengan berkesan kepada murid.

Kajian oleh Siti Humairah Abdul Rahaman dan Nora'Azian Nahar (2020) meneliti tahap kefahaman makna peribahasa dalam kalangan pelajar universiti menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan Teori Relevans. Dapatan kajian menunjukkan tahap kefahaman peribahasa pelajar berada pada tahap yang baik, dengan kebolehan memberikan makna peribahasa secara tepat. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya menilai tahap kefahaman secara deskriptif tanpa mengkaji bagaimana pelajar memproses makna peribahasa semasa membaca. Jurang ini penting kerana pemahaman peribahasa tidak sekadar bergantung pada pengetahuan linguistik dan budaya, tetapi turut melibatkan proses kognitif ketika membaca. Kajian tersebut juga meneliti aspek pelajar universiti secara rawak yang bukan bakal guru. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengisi kekosongan kajian tersebut.

Kajian oleh Nur Farahkhanna Mohd Rusli et al. (2021) menganalisis kefahaman makna peribahasa dalam kalangan murid Tingkatan 1 berbilang kaum di sebuah sekolah menengah menggunakan kerangka Teori Relevans. Kajian mendapati tahap kefahaman murid terhadap tiga peribahasa Melayu terpilih berada pada tahap yang tinggi, namun terdapat juga murid yang gagal memberikan tafsiran yang tepat. Kajian ini menekankan bahawa konteks, kesan konteks, usaha memproses serta faktor psikologi, persekitaran fizikal, dan pengalaman peribadi memainkan peranan penting dalam penafsiran makna peribahasa. Walau bagaimanapun kajian tersebut memberi gambaran tentang tahap kefahaman murid dan tidak menjelaskan bagaimana golongan yang bertanggungjawab mengajar iaitu guru walaupun guru yang benar-benar perlu memahami dan memproses peribahasa sebelum menyampaikannya dalam bilik darjah. Hal ini mempengaruhi keberkesanan pemahaman murid kerana sebahagian besar daripada mereka bergantung kepada keupayaan guru menguasai dan menjelaskan makna peribahasa secara tepat. Keperluan kajian ini dijalankan bagi memenuhi kekosongan tentang bacaan pengetahuan bakal guru tentang peribahasa secara saintifik melalui kajian penjejakan mata.

Meninjau dari sisi yang berbeza, pemahaman bakal guru juga mempengaruhi pemerolehan pengetahuan murid yang bakal diajar. Kajian dilakukan oleh Nor Kamillah Binti Makhtar dan Nur Aqilah Aminorhuddin (2024) tentang penguasaan peribahasa dalam kalangan murid sekolah menggunakan permainan JUPERMA 1.0 dan mendapati bahawa inovasi ini membantu dalam meningkatkan pemahaman murid dalam memahami peribahasa bahasa Melayu. Walaupun dapatan kajian tersebut membuktikan bahawa media inovatif dapat meningkatkan kefahaman murid, ia tidak menjelaskan bagaimana guru sebagai penyampai utama pengajaran bahasa benar-benar memahami dan memproses peribahasa sebelum disampaikan kepada

murid. Hal ini penting kerana keberkesanan penguasaan murid bergantung pada tahap pemahaman dan kebolehan guru mengaplikasikan peribahasa dalam pengajaran. Tambahan pula, kajian oleh Hamsiah Juki dan Che Ibrahim Salleh (2017) mendapati bahawa penguasaan peribahasa di sekolah kebangsaan didapati sangat lemah hinggakan kajian khas perlu dilaksanakan bagi mengetahui masalah dan punca. Justeru, kajian ini dilakukan bagi mengisi jurang tersebut dengan meneliti pola bacaan dan cara pemahaman bakal guru Bahasa Melayu terhadap peribahasa dalam buku teks menengah atas menggunakan kaedah penjejakan mata. Kajian ini boleh menjadi salah satu cara dalam mengenal pasti masalah pemahaman bakal guru dalam peribahasa bahasa Melayu seawal peringkat mereka masih lagi dalam tempoh pendidikan di universiti dan belum memasuki kawasan bilik darjah.

Menyingkap sudut pandang lain konteks ungkapan yang mempunyai makna tersirat, terdapat juga kajian dilakukan melihat aspek metafora yang merupakan ungkapan kiasan. Kajian-kajian ungkapan metafora Melayu kebanyakannya dijalankan daripada perspektif semantik kognitif; sebaliknya, kajian pembacaan metafora Melayu menggunakan Alat Pengesan Pergerakan Mata (APGM) bagi meneliti tahap kefahaman peserta kajian mengenai metafora melayu dan makna literalnya (Tengku Fariqul Haq & Khazriyati Salehuddin (2020). Objektif dalam kajian ini ialah mengenal pasti pola pembacaan ungkapan metafora dan ungkapan literal melalui pergerakan mata, membandingkan pola pembacaan ungkapan metafora dengan ungkapan literal dan menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi pola pembacaan ungkapan metafora dan ungkapan literal. Kajian ini merupakan kajian yang menarik apabila dapatan kajian tidak menyokong andaian awal kajian ini. Andaian pengkaji adalah ungkapan metafora akan didapati lebih sukar untuk difahami berbanding dengan ungkapan literal. Hasil kajian pula membuktikan bahawa masyarakat melayu banyak menggunakan ungkapan metafora dalam komunikasi sehinggakan ia menjadi tidak asing lagi dalam pembacaan. Kajian mengenai tahap kefahaman bakal guru terhadap peribahasa ini juga meneliti tentang perbezaan pola pembacaan peribahasa dan juga peribahasa yang dimasukkan dalam konteks ayat. Kajian tersebut mempunyai kemiripan apabila kaedah kajian yang digunakan adalah sama dengan kajian ini. Penelitian kajian tersebut juga dilihat melalui pembacaan bahan bacaan yang mempunyai makna tersirat yang sama dengan kajian peribahasa ini.

Seterusnya adalah kajian yang dilaksanakan oleh Khazriyati Sallehuddin Dan Ho Hong- Fa (2017) mengenai kerumitan kognitif dalam membaca Jawi melalui kajian penjejakan mata. Kajian mereka menunjukkan bahawa kehadiran diakritik vokal telah mengurangkan kepantasan membaca walaupun bilangan tumpuan meningkat. Kajian ini menunjukkan bahawa kerumitan dalam proses membaca Jawi boleh dikurangkan apabila transformasi, terutamanya dengan penambahan diakritik vokal, dilakukan ke atas ejaan Jawi yang sedia ada. Ini merupakan salah satu kajian penjejakan mata yang melihat dari aspek kelainan yang ada pada perkataan. Terdapat juga kajian yang mengkaji tentang pemprosesan kepelbagaian representasi wacana sains oleh pelajar bahasa Inggeris (Nurjanah Mohd Jaafar Dan Siew Ming Thang 2020). Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tentang apakah pemprosesan yang dialami oleh pelajar bahasa Inggeris semasa membaca dan sebab sebaliknya. Seterusnya kajian yang meneliti daripada aspek bahasa Inggeris iaitu mengkaji proses kognitif yang berlaku apabila pelajar ESL membaca teks akademik bahasa Inggeris melalui data pergerakan mata (Nur Ainil Sulaiman, Khazriyati Salehuddin Dan Rozainee Khairuddin 2020).

Tujuan kajian-kajian ini diambil sebagai rujukan kerana kemiripan dan penggunaan kaedah yang sama iaitu meneliti *gazeplot* dalam mengenal pasti masalah pembaca secara kognitif. Kajian ini juga ada membuat perbandingan dalam mengesan kelainan dan kaedah ini sama seperti kajian penjejakan mata dalam memahami peribahasa oleh bakal guru ini iaitu meneliti *gazeplot* dan juga data sokongan diambil melalui temu bual. Ketiga-tiga kajian tersebut menggunakan kaedah kajian yang sama dengan instrumen kajian yang berbeza iaitu bahan bacaan bersifat sains, bahasa Inggeris dan huruf Jawi manakala kajian ini akan menggunakan peribahasa Bahasa Melayu sebagai instrumen kajian. Ini sekali gus mengisi kekosongan aspek yang ada terutama sekali dalam bidang Pendidikan Bahasa Melayu. Jika diteliti dari perspektif yang berbeza, kajian yang dijalankan semua hanya melibatkan pelajar biasa sebagai responden dan bukan bakal guru dalam bidang Pendidikan Bahasa Melayu.

Pernyataan Masalah

Peribahasa merupakan khazanah budaya yang penting dalam Bahasa Melayu kerana ia mencerminkan pemikiran, nilai murni, dan akal budi masyarakat Melayu yang diwarisi turun-temurun. Namun, pelbagai kajian menunjukkan bahawa penguasaan dan pemahaman terhadap peribahasa dalam kalangan pelajar sekolah semakin merosot. Sebagai contoh, kajian oleh Hamsiah Juki dan Che Ibrahim Salleh (2017) mendapati bahawa murid-murid sekolah rendah menghadapi kesukaran untuk menguasai peribahasa walaupun setelah didedahkan kepada program-program pengayaan bahasa. Kajian tersebut menggunakan soal selidik kepada murid tahun 6 untuk menilai tahap penguasaan mereka terhadap peribahasa. Dapatan menunjukkan bahawa masih banyak kelemahan dalam aspek pengetahuan serta penggunaan peribahasa dalam karangan, meskipun pelbagai program telah dijalankan. Ini memberi gambaran bahawa usaha sedia ada masih belum cukup berkesan dalam memperkukuh pemahaman peribahasa dalam kalangan murid.

Seterusnya, kajian oleh Nur Amara Syahirah Ismail et al. (2024) mengenai permainan pendidikan JUPERMA 1.0 pula mendapati bahawa pengenalan unsur permainan dapat membantu meningkatkan minat dan pemahaman murid terhadap peribahasa. Kajian ini menunjukkan pendekatan didik hibur yang sesuai dengan generasi pelajar masa kini memberikan impak positif. Namun, pendekatan ini tetap menumpukan kepada aspek pelajar sahaja. Selain itu, kajian ini juga melihat peribahasa secara umum dan tidak memberi tumpuan khusus kepada bentuk peribahasa yang lebih kompleks seperti perumpamaan atau bidalan yang mempunyai struktur ayat yang lebih panjang dan mengandungi makna tersirat. Ini membuktikan bahawa aspek pemahaman yang mendalam terhadap kategori peribahasa tertentu masih belum cukup diteroka.

Cabaran ini menimbulkan persoalan penting tentang keberkesanan penyampaian guru serta tahap kefahaman guru sendiri terhadap peribahasa. Jika guru tidak dapat menguasai atau memahami peribahasa secara mendalam, maka mereka juga mungkin berhadapan kekangan dalam merancang strategi pengajaran yang berkesan. Namun, kebanyakan kajian yang dijalankan selama ini lebih tertumpu kepada pelajar sebagai responden utama. Tumpuan kepada aspek pedagogi guru, terutama dari sudut kognitif dan pemerhatian terhadap pola pembacaan atau pemahaman peribahasa dalam kalangan bakal guru, amat kurang diberikan perhatian. Kajian-kajian tersebut hanya sering menggunakan soal selidik, temu bual atau ujian pengetahuan sebagai pendekatan utama, yang bersifat lebih subjektif dan tidak melihat proses pemahaman secara langsung. Kajian tentang persepsi, sikap, motivasi dan strategi juga banyak dilaksanakan kepada bakal guru pendidikan. Kajian yang mampu meneliti pembacaan dan

memahami struktur serta makna peribahasa secara saintifik amatlah diperlukan. Justeru, kaedah seperti penjejakan mata (*eye tracking*) wajar digunakan bagi meneroka kajian penguasaan bahasa untuk memahami proses pemahaman peribahasa secara lebih mendalam.

Penjejakan mata merupakan satu kaedah yang membolehkan penyelidik melihat bagaimana pergerakan mata pembaca menelusuri teks dan kemudian berhenti pada bahagian tertentu (*fixation*) serta melibatkan perhatian kognitif dalam memahami makna. Walaupun kaedah ini telah digunakan dalam pelbagai bacaan kajian bidang psikologi, pendidikan dan linguistik, penggunaannya dalam konteks pembelajaran Bahasa Melayu masih sangat terhad. Lebih-lebih lagi, tiada kajian tempatan yang secara khusus meneliti pemahaman peribahasa melalui kaedah ini dalam kalangan guru atau bakal guru.

Golongan guru merupakan agen penting dalam penyampaian ilmu bahasa kepada generasi muda. Jika tahap penguasaan peribahasa dalam kalangan guru itu sendiri rendah, maka pelajar juga berpotensi untuk tidak mendapat pendedahan yang menyeluruh. Oleh itu, wajar untuk kajian ini dijalankan bagi memahami bagaimana guru atau bakal guru membaca dan memahami peribahasa serta peribahasa dalam konteks ayat. Kajian ini bukan sahaja akan membuka ruang baharu dalam penyelidikan tentang pedagogi bahasa, malah dapat memberikan maklumat penting kepada pihak penggubal dasar kurikulum tentang keperluan latihan khusus kepada guru dalam mengajar aspek makna tersirat dalam bahasa. Ini penting bagi memastikan teknik PdP yang digunakan lebih efektif serta selari dengan kebolehan pelajar dalam konteks semasa.

Kajian ini berusaha untuk meneliti proses pemahaman dan pola pembacaan peribahasa dan peribahasa dalam ayat pada kalangan bakal guru Bahasa Melayu menggunakan kaedah penjejakan mata. Kajian ini bukan sahaja dapat menyumbang kepada pengetahuan baharu dalam bidang pendidikan bahasa dan linguistik, malah dapat mengisi kelompongan dalam literatur sedia ada yang kurang meneliti pemahaman guru terhadap peribahasa secara saintifik dan berasaskan pemerhatian. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu guru-guru memahami keperluan mereka dalam menguasai serta menyampaikan peribahasa dengan lebih baik kepada pelajar, seterusnya memastikan nilai estetika dan falsafah bahasa Melayu terus diwarisi dan tidak ditelan zaman.

Objektif Kajian

Penetapan objektif merupakan langkah asas yang sangat penting kerana ia menentukan hala tuju dan skop kajian yang akan dijalankan. Objektif kajian berfungsi sebagai panduan utama kepada pengkaji dalam merancang prosedur kajian, menentukan kaedah pengumpulan data dan mengenal pasti analisis yang sesuai untuk mencapai matlamat penyelidikan secara sistematik. Tanpa objektif yang jelas dan spesifik, sebuah kajian akan mudah tersasar daripada fokus asal dan sukar untuk mencapai dapatan yang bermakna serta relevan dengan isu yang ingin dikaji.

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif melalui kaedah penjejakan mata dan temu bual, maka objektif yang ditetapkan bukan sahaja menjurus kepada pengukuran secara statistik, tetapi juga merangkumi penerokaan terhadap faktor-faktor mendalam yang mempengaruhi cara pembacaan dan pemahaman peserta. Ini menjadikan objektif kajian bukan sekadar satu senarai matlamat, tetapi sebagai kompas yang menyusun seluruh struktur kajian agar setiap bahagian metodologi hinggalah ke perbincangan dapatan berada dalam kerangka

yang konsisten dan selaras. Berdasarkan pertimbangan tersebut, maka berikut ialah objektif yang telah dikenal pasti dan akan menjadi panduan utama dalam pelaksanaan kajian ini,

- 1) Mengetahui perbezaan pola pembacaan peribahasa dan peribahasa dalam ayat.
- 2) Menghuraikan faktor yang mempengaruhi pola pembacaan dan pemahaman bakal guru terhadap peribahasa

Persoalan Kajian

Persoalan kajian merupakan tunjang penting dalam merangka hala tuju sebuah penyelidikan. Ia berperanan sebagai panduan kepada pengkaji dalam mengenal pasti aspek-aspek yang ingin dikaji, digali dan dianalisis secara mendalam. Persoalan kajian dibentuk berdasarkan isu utama yang ingin diteroka iaitu kefahaman bakal guru Bahasa Melayu terhadap peribahasa dan bentuk penyampaian sama ada secara bersendirian atau dalam konteks ayat sebagaimana yang terkandung dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan juga 5.

Peribahasa merupakan komponen penting dalam pembelajaran bahasa kerana ia bukan sahaja memperkaya kosa kata, malah mencerminkan nilai, budaya dan falsafah masyarakat Melayu. Namun, penggunaan peribahasa yang padat dan berbentuk kiasan sering menimbulkan kekeliruan kepada pelajar termasuklah bakal guru itu sendiri. Justeru, kajian ini menumpukan kepada pola pembacaan yang dikesan melalui kaedah penjejakan mata (*eye tracking*) bagi mengenal pasti tahap kefahaman mereka terhadap peribahasa. Beberapa persoalan kajian dirangka bagi membimbing pengumpulan data dan pelaksanaan kajian dengan lebih terarah serta menyeluruh.

- 1) Apakah terdapat perbezaan antara pola pembacaan *fixation duration* peribahasa dan peribahasa dalam ayat bagi melihat kefahaman bakal guru Bahasa Melayu?
- 2) Apakah terdapat perbezaan antara pola pembacaan *fixation count* peribahasa dan peribahasa dalam ayat bagi melihat kefahaman bakal guru Bahasa Melayu?
- 3) Apakah terdapat perbezaan antara pola pembacaan *visit duration* peribahasa dan peribahasa dalam ayat dengan bacaan bagi melihat kefahaman bakal guru Bahasa Melayu?
- 4) Apakah terdapat perbezaan antara pola pembacaan *visit count* peribahasa dan peribahasa dalam ayat dengan bacaan bagi melihat kefahaman bakal guru Bahasa Melayu?
- 5) Apakah faktor yang mempengaruhi pola pembacaan dan pemahaman bakal guru terhadap peribahasa?

Hipotes Kajian

Hipotesis ini dirumuskan untuk menguji sama ada wujud perbezaan yang signifikan daripada segi prestasi pembacaan dan pemahaman apabila peribahasa dipersembahkan secara bersendirian berbanding dalam konteks ayat. Ujian statistik akan digunakan bagi menilai perbezaan ini secara empirikal dan memastikan sama ada ia signifikan dalam konteks kajian.

Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pola pembacaan *fixation duration* peribahasa dan peribahasa dalam ayat bagi melihat kefahaman bakal guru Bahasa Melayu.

Ho2 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pola pembacaan *fixation count* peribahasa dan peribahasa dalam ayat bagi melihat kefahaman bakal guru Bahasa Melayu.

Ho3 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pola pembacaan *visit duration* peribahasa dan peribahasa dalam ayat dengan bacaan bagi melihat kefahaman bakal guru Bahasa Melayu.

Ho4 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pola pembacaan *visit count* peribahasa dan peribahasa dalam ayat dengan bacaan bagi melihat kefahaman bakal guru Bahasa Melayu.

Metodologi

Reka Bentuk

Reka bentuk kajian adalah kerangka yang digunakan oleh sesebuah kajian bagi mengutip dan menganalisis data dan juga berfungsi untuk menukar persoalan kajian kepada projek yang melibatkan komponen tujuan, persoalan kajian, metod dan strategi persampelan (Mokmin Basri 2012; Robson 2011 & Bryman 2008). Kajian ini merupakan sebuah kajian dengan reka bentuk *mix-method* iaitu kajian kuantitatif dan diikuti dengan kajian kualitatif dengan membuat perbandingan antara dua jenis bacaan dan peserta kajian yang sama akan membaca kedua bahan bacaan iaitu peribahasa dan peribahasa dalam konteks ayat.

Persampelan dan Instrumen Kajian

Pengkaji telah memilih 15 peserta kajian berlatarbelakangkan Pendidikan Bahasa Melayu dari Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kesemua peserta kajian merupakan bakal guru yang berada pada tahun kedua, ketiga dan keempat. Peserta kajian juga hanya dipilih daripada pelajar berbangsa Melayu sahaja. Pemilihan dilaksanakan daripada kalangan bakal guru kerana mereka berada dalam fasa latihan profesional yang melibatkan kemahiran berfikir aras tinggi dan pembinaan kefahaman mendalam. Jika mereka sukar memahami jenis peribahasa tertentu, hal ini memberi petunjuk bahawa murid mungkin berhadapan kesukaran yang sama. Ini merupakan kesinambungan bahawa peserta kajian merupakan bakal guru yang akan mengajar pelajar sekolah menengah.

Kajian penjejakan mata tidak menetapkan keperluan kepada saiz sampel yang besar. Sebagai contoh, Totova dan Rusek (2021) melaksanakan kajian mereka hanya dengan tiga orang responden, manakala Yun (2020) menggunakan seramai 663 orang responden. Ini menunjukkan bahawa kajian penjejakan mata fleksibel dari segi saiz sampel bergantung kepada tujuan dan reka bentuk kajian. Kajian yang merangkumi konteks bahasa di Malaysia pula ada dilaksanakan oleh Nurjanah Mohd Jaafar dan Shamita (2022) telah melibatkan 14 orang peserta bagi mengkaji resolusi anafora dalam kalangan penutur Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua (L2). Seterusnya, kajian lain oleh Khazriyati Sallehuddin dan Ho Hong Fa (2017) pula melibatkan 18 orang responden dalam mengkaji aspek kerumitan kognitif dalam pembacaan teks Jawi. Oleh itu, penggunaan 15 responden dalam kajian ini adalah justifikasi yang munasabah dan seiring dengan pendekatan yang digunakan dalam kajian penjejakan mata terdahulu. Saiz ini dianggap memadai untuk memperoleh pola pembacaan yang konsisten dan bermakna, terutama dalam kajian eksploratori yang melibatkan analisis visual dan sokongan kualitatif.

Bagi memperoleh data daripada peranti penjejakan mata, Alat Pengesan Gerakan Mata (APGM) *Tobii TX300* digunakan. Alat ini berada di Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Oleh itu pengkaji perlu membawa sampel kajian atau peserta kajian secara berjadual untuk melaksanakan kajian ini. Selain instrumen digital,

protokol temu bual separa berstruktur juga dibangunkan sebagai instrumen sokongan kepada data kuantitatif. Data yang dianalisis secara deskriptif melihat kepada nilai min dan sisihan piawai setiap jenis peribahasa. Jadual 1 menunjukkan interpretasi skor min yang akan digunakan oleh pengkaji dalam menganalisis data.

Jadual 1 : Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi Min
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Sumber: *Psychometric Theory*, 3rd edn, 1994 (Nunnally & Bernstein, 1994)

Protokol temu bual dibina berdasarkan paparan *heatmap* hasil daripada rakaman peranti penjejakan mata dan mengandungi soalan-soalan terbuka yang memberi peluang kepada peserta untuk menghuraikan strategi pembacaan mereka, kekeliruan semasa membaca, serta makna yang mereka fahami daripada peribahasa yang dipaparkan. Sesi temu bual ini membolehkan pengkaji mengesahkan data visual yang diperoleh dan mendapatkan justifikasi yang lebih mendalam terhadap pola bacaan yang dikenal pasti. Gabungan instrumen kuantitatif dan kualitatif ini membolehkan satu triangulasi data yang menyeluruh dan menambahkan kebolehpercayaan terhadap hasil kajian. Bahan bacaan yang akan dipaparkan pada alat penjejakan mata tersebut merupakan peribahasa daripada Buku Teks Tingkatan 4 dan 5.

Dapatan Kajian

Demografi Peserta Kajian

Seramai 15 orang peserta telah terlibat dalam kajian ini, terdiri daripada 12 orang perempuan dan 3 orang lelaki, kesemuanya berbangsa Melayu. Pada kategori tahun pengajian, 4 orang peserta merupakan pelajar Tahun 2, 6 orang adalah pelajar Tahun 3, manakala 5 orang lagi dari Tahun 4 dalam program pengajian Pendidikan Bahasa Melayu di Fakulti Pendidikan, UKM. Kesemua peserta menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa utama di rumah, dan mereka juga menggunakan Bahasa Melayu sepenuhnya dalam persekitaran pembelajaran mereka di fakulti. Pemilihan peserta terdiri daripada bakal guru adalah kerana kumpulan ini bakal memainkan peranan penting dalam menyampaikan ilmu Bahasa Melayu, termasuk pengajaran peribahasa kepada pelajar di sekolah. Oleh itu, tahap pemahaman mereka terhadap peribahasa amat signifikan untuk dikaji. Kajian ini juga hanya melibatkan peserta daripada opsyen pengkhususan Pendidikan Bahasa Melayu kerana mereka telah melalui latihan dan pendedahan yang lebih mendalam terhadap kandungan kurikulum Bahasa Melayu, termasuk aspek tatabahasa, sastera dan peribahasa. Keputusan ini diambil bagi memastikan kesahan kandungan dan mendapatkan data yang lebih fokus serta relevan terhadap objektif kajian. Demografi dikategorikan seperti dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2 : Demografi Responden

Jantina	Bangsa	Tahun Pengajian	Bahasa yang digunakan dirumah	Bahasa yang digunakan di lingkungan belajar
12 perempuan 3 lelaki	15 Melayu	4 orang Tahun 2 6 orang Tahun 3 5 orang Tahun 4	15 menggunakan Bahasa Melayu	15 orang menggunakan Bahasa Melayu

Mengenal Pasti Perbezaan Pola Pembacaan Peribahasa Dan Peribahasa Dalam Ayat

Objektif ini bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan pola pembacaan antara peribahasa yang dipaparkan secara tersendiri dan peribahasa yang dimasukkan dalam ayat kontekstual iaitu dalam bentuk ayat lengkap yang mencerminkan penggunaan sebenar peribahasa dalam wacana bahasa. Kajian ini memberikan tumpuan khusus terhadap kesan konteks terhadap strategi pembacaan, proses mental, serta pemahaman semantik dalam kalangan bakal guru Bahasa Melayu yang merupakan kumpulan sasaran penting kerana mereka bakal menjadi pemangkin kepada penyampaian ilmu bahasa yang tepat kepada pelajar.

Boleh menilai secara mendalam bagaimana pembaca memproses makna peribahasa dengan kehadiran atau ketiadaan konteks linguistik apabila dapat dilihat melalui analisis beberapa metrik utama penjejakan mata seperti jumlah lawatan semula (*visit count*), tempoh semasa lawatan (*visit duration*), jumlah keseluruhan masa penatapan (*fixation duration*), serta bilangan keseluruhan penatapan (*fixation count*). Perbandingan antara dua bentuk persembahan ini membolehkan pengkaji membuat inferens yang lebih bermakna tentang tahap kesukaran pemprosesan peribahasa yang dialami oleh peserta kajian.

Dapatan yang diperoleh daripada perbandingan ini dapat menjelaskan sama ada penyertaan konteks ayat membantu pembaca memahami makna peribahasa dengan lebih pantas dan tepat, atau sebaliknya mencetuskan kekeliruan dan memperlambatkan proses pembacaan. Aspek ini sangat penting kerana ia memberi gambaran sejauh mana struktur dan reka bentuk penyampaian peribahasa dalam bahan pengajaran seperti buku teks dapat memberi impak terhadap pemahaman pelajar. Sekiranya dapatan menunjukkan bahawa peribahasa dalam ayat kontekstual lebih mudah difahami dan diproses, maka ia menandakan bahawa pendekatan pengajaran yang menggabungkan konteks perlu diperluaskan dan diberi keutamaan dalam bilik darjah.

Namun, jika peribahasa yang dipaparkan secara bersendirian lebih berkesan, maka strategi pengajaran perlu dirancang semula agar memberikan ruang kepada pelajar untuk memahami makna literal dan figuratif peribahasa sebelum diterapkan dalam konteks. Oleh itu, objektif ini bukan sahaja penting dalam kerangka penyelidikan tetapi juga memberi implikasi praktikal terhadap pedagogi Bahasa Melayu secara keseluruhannya.

Jadual 3 : Bacaan Metrik *Fixation Duration* Peribahasa Dan Peribahasa Dalam Ayat

Metrik	Min (Peribahasa Sahaja)	Min (Peribahasa Dalam Ayat)	t	df	p	d (Cohen's d)
Fixation Duration	3.3567	1.9467	5.595	14	< .001	1.445

Tempoh penumpuan (*fixation duration*) menunjukkan perbezaan yang signifikan antara peribahasa sahaja ($M = 3.36$, $SD = 1.09$) dan dalam ayat ($M = 1.95$, $SD = 0.75$), $t(14) = 5.60$, $p < .001$, $d = 1.45$. Ini bermakna peserta memberi tumpuan yang tinggi apabila membaca peribahasa yang dipaparkan secara terus. Tempoh penumpuan merujuk kepada jumlah masa (dalam saat atau milisaat) yang dihabiskan oleh mata pada satu titik tertentu semasa membaca. Tempoh penumpuan yang lebih panjang pada peribahasa secara langsung boleh ditafsirkan sebagai petunjuk bahawa peribahasa tersebut memerlukan lebih banyak pemprosesan kognitif untuk difahami. Ini mungkin disebabkan oleh sifat peribahasa itu sendiri yang bersifat figuratif, padat, dan memerlukan pengetahuan budaya atau pengalaman untuk mentafsirkan maknanya. Apabila peribahasa dipersembahkan tanpa sebarang konteks, pembaca perlu menumpukan lebih perhatian dan masa untuk mengenal pasti maksud tersirat yang ingin disampaikan.

Jadual 4 : Bacaan Metrik *Fixation Count* Peribahasa Dan Peribahasa Dalam Ayat

Metrik	Min (Peribahasa Sahaja)	Min (Peribahasa Dalam Ayat)	t	df	p	d (Cohen's d)
Fixation Count	12.4833	8.2613	4.458	14	< .001	1.151

Terdapat perbezaan signifikan dalam bilangan penumpuan (*fixation count*) antara peribahasa sahaja ($M = 12.48$, $SD = 3.80$) dan peribahasa dalam ayat ($M = 8.26$, $SD = 2.72$), $t(14) = 4.46$, $p < .001$, $d = 1.15$. Ini membawa andaian bahawa peribahasa yang dipaparkan secara tunggal menarik lebih banyak penumpuan visual. Bilangan penumpuan merujuk kepada jumlah bilangan mata peserta berhenti (*fixate*) pada kawasan tertentu dalam teks semasa membaca. Penumpuan yang lebih banyak menandakan bahawa peserta berulang kali memfokuskan pandangan mereka ke atas sesuatu elemen teks, yang biasanya mencerminkan kesukaran dalam pemprosesan makna, keraguan semantik, atau keperluan untuk lebih perhatian visual terhadap maklumat tersebut. Jumlah penumpuan yang lebih tinggi pada peribahasa yang dipaparkan secara tunggal mencadangkan bahawa bentuk penyampaian ini memerlukan lebih banyak pemerhatian dan analisis visual. Ini selari dengan sifat peribahasa yang bersifat metafora dan sering mengandungi makna tersirat yang memerlukan usaha mental tambahan untuk ditafsirkan apabila tiada sokongan konteks.

Namun, apabila peribahasa disampaikan dalam ayat, pembaca cenderung membuat lebih penumpuan yang mungkin menunjukkan proses bacaan yang lebih lancar dan pemahaman yang lebih cepat. Kehadiran konteks linguistik dan pragmatik dalam ayat membantu mengurangkan keperluan untuk berulang-alik secara visual, sekaligus menjadikan bacaan lebih efisien.

Jadual 5 : Bacaan Metrik *Visit Duration* Peribahasa Dan Peribahasa Dalam Ayat

Metrik	Min (Peribahasa Sahaja)	Min (Peribahasa Dalam Ayat)	t	df	p	d (Cohen's d)
Visit Duration	1.1673	1.8660	-7.433	14	< .001	-1.919

Purata bilangan lawatan (*visit duration*) bagi peribahasa sahaja adalah lebih tinggi ($M = 2.55$, $SD = 0.93$) berbanding apabila peribahasa dimasukkan dalam ayat ($M = 1.47$, $SD = 0.61$). Analisis ujian-T berpasangan menunjukkan perbezaan ini adalah signifikan secara statistik, $t(14) = 5.37$, $p < .001$, $d = 1.39$. Ini menunjukkan peserta melakukan lebih banyak lawatan apabila membaca peribahasa secara tersendiri. Tempoh lawatan merujuk kepada jumlah masa yang dihabiskan oleh peserta dalam satu kawasan bacaan (*Area of interest*) setiap kali mereka melawat semula kawasan tersebut. Tempoh yang lebih panjang ini memberi gambaran bahawa peserta tidak hanya memfokuskan pandangan pada peribahasa tersebut sekali, tetapi turut kembali semula beberapa kali dan meluangkan lebih masa pada setiap lawatan.

Keadaan ini menandakan bahawa pembacaan peribahasa secara bersendirian berkemungkinan besar memerlukan perhatian kognitif tambahan kerana peserta berusaha untuk memahami makna tersirat tanpa sebarang sokongan kontekstual. Namun, apabila peribahasa dimasukkan ke dalam ayat, tempoh lawatan menjadi lebih singkat, menandakan pembacaan yang lebih efisien. Ini disebabkan oleh kehadiran konteks dalam ayat yang membantu peserta mengenal pasti makna dengan lebih cepat dan mengurangkan keperluan untuk membuat lawatan semula atau berhenti lama di kawasan teks tersebut.

Jadual 6 : Bacaan Metrik *Visit Count* Peribahasa Dan Peribahasa Dalam Ayat

Metrik	Min (Peribahasa Sahaja)	Min (Peribahasa Dalam Ayat)	t	df	p	d (Cohen's d)
Visit Count	2.5513	1.4687	5.374	14	< .001	1.388

Metrik terakhir iaitu purata tempoh lawatan (*visit count*) adalah lebih tinggi apabila peribahasa dimasukkan dalam ayat ($M = 1.87$, $SD = 0.49$) berbanding peribahasa sahaja ($M = 1.17$, $SD = 0.24$). Ujian-T berpasangan menunjukkan perbezaan ini adalah signifikan, $t(14) = -7.43$, $p < .001$, $d = -1.92$. Ini menunjukkan peserta mengambil masa lebih lama untuk memahami atau menelusuri peribahasa dalam konteks ayat. Bilangan lawatan (*visit count*) merujuk kepada berapa kali peserta kembali semula ke kawasan teks yang sama setelah memalingkan pandangan ke tempat lain. Dapatan ini menunjukkan bahawa peserta lebih kerap kembali ke kawasan peribahasa apabila ia disampaikan dalam ayat, berbanding apabila dibaca secara bersendirian. Perbezaan ini perlu ditafsirkan secara berhati-hati kerana bacaan *visit count* ini kontra dengan ketiga tiga bacaan metrik sebelumnya yang menunjukkan tempoh dan bilangan yang lebih banyak pada peribahasa tanpa ayat.

Walaupun sebelum ini peserta menunjukkan lebih banyak penumpuan dan tempoh yang lebih lama terhadap peribahasa yang dipaparkan secara terus, dapatan bilangan lawatan yang lebih tinggi dalam konteks ayat mungkin menunjukkan bahawa kehadiran konteks tidak semestinya menjadikan pemprosesan lebih mudah secara keseluruhan. Sebaliknya, apabila peribahasa berada dalam ayat, peserta mungkin perlu menelusuri semula bahagian tersebut untuk mengaitkan peribahasa dengan struktur dan makna keseluruhan ayat. Ini berkemungkinan untuk menunjukkan proses penyatuan makna atau integrasi semantik yang lebih kompleks, bukan semata-mata kekeliruan atau ketidakfahaman.

Penting untuk tidak membuat kesimpulan mutlak bahawa peserta lebih sukar memahami peribahasa dalam ayat hanya berdasarkan *visit count* semata-mata. Peningkatan bilangan lawatan boleh juga berkait dengan strategi pembacaan semula, pengesahan semantik, atau usaha untuk membina hubungan antara peribahasa dan maklumat lain dalam ayat, dan bukan semestinya menunjukkan kesukaran pemahaman.

Jadual 7 : Bacaan Metrik Peribahasa Dan Peribahasa Dalam Ayat

Metrik	Min (Peribahasa Sahaja)	Min (Peribahasa Dalam Ayat)	t	df	p	d (Cohen's d)
Visit Count	2.5513	1.4687	5.374	14	< .001	1.388
Fixation Count	12.4833	8.2613	4.458	14	< .001	1.151
Fixation Duration	3.3567	1.9467	5.595	14	< .001	1.445
Visit Duration	1.1673	1.8660	-7.433	14	< .001	-1.919

Dapatan analisis ujian-T berpasangan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara persembahan peribahasa secara tersendiri dengan persembahan peribahasa dalam ayat bagi keempat-empat metrik yang dikaji. Keseluruhan dapatan ini menunjukkan bahawa peserta memberi lebih banyak tumpuan dan masa kepada peribahasa yang dipaparkan secara tersendiri dan memerlukan bilangan yang tinggi pada *visit count* dalam pembacaan peribahasa dengan ayat.

Interpretasi Saiz Kesan (Cohen's D)

Cohen's d ialah ukuran saiz kesan yang menunjukkan sejauh mana besar perbezaan antara dua kumpulan dalam unit sisihan piawai. Melalui kajian ini, semua nilai d melebihi 1.1, menunjukkan saiz kesan yang sangat besar. Sebagai contoh, untuk metrik *visit count*, $d = 1.388$, *fixation count*, $d = 1.151$, *fixation duration*, $d = 1.445$ dan *visit duration*, $d = -1.919$. Nilai-nilai ini menunjukkan bahawa perbezaan antara membaca peribahasa secara tersendiri dan dalam ayat bukan sahaja signifikan secara statistik tetapi juga mempunyai impak yang besar dari segi praktikal. Ini bermakna cara peribahasa dipersembahkan benar-benar mempengaruhi cara pembaca memberi tumpuan dan memahami makna peribahasa.

Faktor Yang Mempengaruhi Pola Pembacaan Dan Pemahaman Bakal Guru Terhadap Peribahasa.

Bagi menganalisis faktor yang mempengaruhi pola pembacaan dan pemahaman bakal guru terhadap peribahasa dan peribahasa dalam ayat, temu bual peserta kajian dianalisis dan disokong oleh visual *Heatmap* daripada pembacaan peserta kajian.

Tidak Memahami Makna Peribahasa


Faktor tidak memahami makna peribahasa ini berlaku kepada 5 orang peserta kajian yang menyatakan bahawa mereka tidak memahami peribahasa tersebut walaupun sudah dibaca secara berulang kali. Peserta kajian pada awalnya tidak dapat mentafsir makna peribahasa apabila peribahasa dipersembahkan tanpa konteks ayat. Apabila peserta kajian membaca peribahasa yang telah dimasukkan dalam konteks ayat, peserta kajian memperoleh sedikit sebanyak petunjuk daripada konteks ayat yang ada sebelum peribahasa. Dengan cara ini, peserta kajian dapat meninterpretasikan makna peribahasa walaupun tidak tepat. Kenyataan ini diambil daripada hasil temu bual dengan peserta kajian 7.

“sebab ada petunjuk, petanda. Jadi konteks peribahasa tu lebih faham lah, tiada kesamaran kalau dalam ayat. Kalau peribahasa sahaja, apa keterkaitannya dengan dunia sebenar.”

(Peserta kajian 7)



Rajah 1 : Visual *Heatmap* Peribahasa
‘Jika Pengayuh Sayang Dibasahkan, Sampan Tidak Akan Sampai Ke Seberang’



Rajah 2 : Visual *Heatmap* Peribahasa Dalam Konteks Ayat
‘Jika Pengayuh Sayang Dibasahkan, Sampan Tidak Akan Sampai Ke Seberang’

Temu bual ini seiring dengan hasil bacaan visual *Heatmap* peserta kajian 7. Kawasan peribahasa bagi peribahasa *‘Jika pengayuh sayang dibasahkan, sampan tidak akan sampai ke seberang’* memperlihatkan banyak kawasan yang berwarna merah yang menunjukkan bahawa tertumpunya pembacaan peserta kajian pada kawasan itu. Ini menunjukkan bahawa peserta kajian ini menghadapi kesukaran dan mengambil masa yang lama untuk memahami maksud dalam peribahasa ini. Berbeza dengan visual *heatmap* yang ditunjukkan pada peribahasa yang ada dalam konteks ayat. Majoriti kawasan peribahasa dalam ayat adalah berwarna hijau yang menunjukkan kawasan tumpuan adalah rendah dan peserta kajian tidak mengalami kesukaran dalam membaca peribahasa yang telah dimasukkan ke dalam ayat. penyediaan konteks

memainkan peranan penting dalam menyokong proses kognitif peserta sekali gus memudahkan pemahaman terhadap maksud tersirat peribahasa.

Tidak Memahami Istilah Yang Digunakan Dalam Peribahasa


Faktor tidak memahami istilah yang digunakan dalam peribahasa ini pula berbeza dengan tidak memahami makna. Banyak istilah atau perkataan yang digunakan dalam peribahasa yang tidak difahami oleh peserta kajian. Terdapat 5 peserta kajian yang menyatakan bahawa mereka bukan sahaja tidak memahami makna tetapi juga istilah yang terkandung dalam perkataan tersebut. Pengkaji menyatakan bahawa istilah yang ada pada ayat berkenaan tidak difahami sekali gus menjadikan peribahasa sukar difahami walaupun peribahasa telah dimasukkan dalam konteks ayat.

"..kerana saya tak pernah dengar maksudnya tu apa dan tak faham maksud dalam ayat. Ubun-ubun saya tau. Depan tu saya tak tau."

(Peserta Kajian 10)



**Rajah 3 : Visual *Heatmap* Peribahasa
'Cekur Jerangau Ada Lagi Di Ubun-Ubun'**



**Rajah 4 : Visual *Heatmap* Peribahasa Dalam Konteks Ayat
'Cekur Jerangau Ada Lagi Di Ubun-Ubun'**


Bacaan visual *Heatmap* menunjukkan kawasan berwarna merah yang hanya ada pada setengah istilah dan istilah seterusnya menunjukkan kawasan berwarna hijau. Keseluruhannya menunjukkan bahawa tidak semua kawasan peribahasa 'Cekur jerangau ada lagi di ubun-ubun', berwarna merah atau hijau. Apabila peribahasa dimasukkan ke dalam konteks ayat, peserta masih lagi mengalami masalah kesukaran dalam memahami peribahasa. Ini dibuktikan dengan kawasan visual yang menunjukkan hampir semua kawasan peribahasa ditandai dengan warna merah. Perkara ini menunjukkan bahawa tidak semua peribahasa menjadi mudah difahami hanya dengan penambahan konteks, terutamanya jika peribahasa tersebut mengandungi istilah yang tidak biasa atau sukar ditafsirkan secara literal.

Tidak Pernah Mendengar Atau Membaca Peribahasa Tersebut


Kajian ini juga telah menunjukkan bahawa terdapat peserta kajian yang tidak pernah mendengar atau membaca peribahasa yang dipaparkan. Faktor ini mungkin dipengaruhi oleh kehidupan setiap peserta secara individu dari segi gaya kehidupan dan tabiat pembacaan harian yang dilakukan oleh peserta kajian. Ada 4 peserta kajian yang menyatakan bahawa mereka tidak pernah mendengar atau membaca peribahasa tersebut. Berikut merupakan kenyataan yang dibuat oleh peserta kajian 2.

“Saya rasa saya tau kenapa, saya tak pernah dengar peribahasa ni. Tapi erti peribahasa tu saya tau dia nak cakap benda tu jadi lebih besar. Dalam ayat saya terus faham em agaknya la sebab tak pernah dengar kan.”

(Peserta Kajian 2)



**Rajah 5 : Visual *Heatmap* Peribahasa
'Belukar Menjadi Rimba'**



**Rajah 6 : Visual *Heatmap* Peribahasa Dalam Konteks Ayat
'Belukar Menjadi Rimba'**

Dapatan kajian temu bual ini seiring dengan visual *heatmap* yang diperoleh dalam peribahasa 'Belukar menjadi rimba'. Kawasan yang merah menunjukkan kawasan tumpuan yang tinggi dalam peribahasa tersebut. Mengikut hasil temu bual dan bacaan min, peserta kajian jelas menunjukkan bahawa peserta kajian ini tidak memahami peribahasa ini kerana tidak pernah mendengar tentang peribahasa ini. Situasi ini menunjukkan bahawa bakal guru bergantung kepada pengetahuan sedia ada untuk mentafsir maksud peribahasa, dan apabila pengetahuan ini tidak wujud, proses kognitif untuk memahami menjadi lebih mencabar. Oleh itu, tahap literasi peribahasa dalam kalangan bakal guru perlu diperkukuh bagi memastikan mereka mampu memahami dan seterusnya menyampaikan makna peribahasa dengan berkesan kepada murid.

Berlakunya Kesalahfahaman Makna

Selain ketidakfahaman makna dan istilah, terdapat juga peserta yang mengalami masalah kesalahfahaman makna. Perkara ini berlaku apabila peribahasa yang didengar atau dibaca dianggap mempunyai satu makna yang jelas berbeza daripada makna sebenar peribahasa tersebut. Hal ini boleh berlaku sekiranya peserta kajian hanya menanggapi makna tersebut dan


penafsirkannya secara terus berdasarkan pengaruh peribahasa lain atau kefahaman peserta kajian itu sendiri. Kenyataan peserta kajian 15 menyatakan masalah kesalahfahaman ini.

“Sebab saya ingat bagi itik mendapat air ni dia sama macam maksud negatif kera mendapat bunga, tapi bila baca kat ayat, rupanya bawa maksud positif sebab tu lah saya baca lama kat ayat tu.”

(Peserta Kajian 15)



**Rajah 7 : Visual Heatmap Peribahasa
'Bagi Itik Mendapat Air'**



**Rajah 8 : Visual Heatmap Peribahasa Dalam Konteks Ayat
'Bagi Itik Mendapat Air'**

Dapatan temu bual ini disokong dengan bacaan heatmap yang menunjukkan kawasan yang hampir kesemuanya merah pada peribahasa 'Bagai itik mendapat air' manakala apabila peribahasa ini dimasukkan ke dalam konteks ayat, kawasan yang berwarna merah adalah kawasan ayat dan bukannya kawasan peribahasa. Ini seiring dengan kenyataan peserta kajian yang menyatakan tertumpunya bacaan di kawasan ayat adalah kerana cubaan peserta untuk meneroka makna peribahasa melalui ayat dan berlakunya proses kognitif yang lama kerana peserta menyadari bahawa ada kelainan pada makna awal yang diketahuinya. Ini jelas membuktikan bahawa berlakunya proses pemahaman yang dilakukan oleh peserta kajian dalam memperoses makna dalam konteks ayat. Fenomena ini membuktikan bahawa proses kognitif mendalam berlaku apabila peserta mengesan percanggahan antara pengetahuan sedia ada dan makna baharu dalam konteks, lalu mencetuskan proses tafsiran semula. Dapatan ini menekankan peranan konteks dalam merangsang pemikiran kritis dan kefahaman semantik dalam kalangan bakal guru, sekali gus menunjukkan kematangan kognitif dalam menyesuaikan makna berdasarkan situasi.

Perbincangan

Analisis statistik menggunakan ujian-T sampel berpasangan menunjukkan wujud perbezaan yang signifikan dalam pola pembacaan antara peribahasa yang dipersembahkan secara tersendiri dengan peribahasa dalam konteks ayat. Dapatan ini menandakan bahawa peribahasa yang berdiri sendiri lebih mencabar untuk diproses dan difahami oleh peserta berbanding apabila peribahasa tersebut disokong oleh konteks linguistik yang lengkap. Ini menyokong dapatan kajian oleh Nur Farakhanna et al. (2021) yang menegaskan bahawa konteks semantik

memainkan peranan penting dalam mengurangi beban kognitif, seterusnya mempercepat proses pemahaman. Melihat dari konteks kajian ini, ayat-ayat yang mengiringi peribahasa bukan sahaja menyediakan petunjuk makna, tetapi juga membantu peserta menjana inferensi yang lebih tepat. Justeru, peribahasa dalam ayat menunjukkan bacaan *fixation count*, *visit duration* dan *fixation duration* yang lebih rendah berbanding peribahasa secara tersendiri, menandakan proses pemprosesan yang lebih efisien. Namun, bacaan yang lebih tinggi terhadap peribahasa secara bersendirian menunjukkan peserta mengambil masa lebih lama untuk memahami berkemungkinan besar akibat ketiadaan konteks yang boleh menyokong pencarian makna. Ini memperkukuhkan andaian bahawa bentuk penyampaian sesuatu peribahasa memberi kesan langsung terhadap kecekapan kognitif pembaca dalam proses interpretasi makna.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa peserta dapat mengenal pasti kekeliruan makna dan mencetuskan proses penilaian semula terhadap makna berdasarkan konteks yang berbeza daripada pemahaman asal. Kebolehan untuk menyedari ketidakfahaman dapat membantu bakal guru dalam menyesuaikan strategi pemahaman seiring dengan kenyataan Ungku Khairul et al. (2020) iaitu peningkatan pengetahuan dan kemahiran guru boleh menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan serta meningkatkan minat pelajar. Sekiranya guru sendiri tidak mampu memahami atau menilai semula makna peribahasa dalam pelbagai konteks, mereka berisiko menyampaikan tafsiran yang salah atau terlalu literal. Perkara ini seiring dengan kenyataan oleh Hasmidar Hassan (2016) iaitu punca pertama sebenarnya melibatkan aras kognitif atau kemahiran berfikir yang rendah iaitu pengetahuan dan kefahaman. Ketidadaan pendedahan yang meluas terhadap pelbagai bentuk dan variasi peribahasa telah menyebabkan bakal guru hanya mampu menafsir makna apabila dibantu oleh konteks linguistik yang jelas. Kebergantungan ini menunjukkan kelemahan dari segi penguasaan budaya bahasa serta kurangnya latihan reflektif dalam mengenal pasti, menganalisis, dan mengaitkan peribahasa dengan pengalaman atau wacana semasa. Ini disokong oleh Marriane Tang Nguik Hong et. al (2021) iaitu pemahaman bakal guru tidak memuaskan dan mereka yang akan mengajarkan elemen-elemen tersebut kepada murid, maka dikhuatiri objektif untuk membolehkan murid menguasai dan memahami makna peribahasa akan terjejas. Ini secara langsung menyokong pembangunan literasi bahasa yang lebih tinggi dalam bilik darjah apabila guru lebih memahami kontek pengajaran yang akan dilaksanakan. Perbincangan ini menggariskan bahawa pemahaman terhadap peribahasa memerlukan bukan sahaja pendedahan kepada bentuk-bentuk peribahasa, tetapi juga pengukuhan konteks dan pengayaan pengetahuan sedia ada bagi menyokong proses kognitif dan kebolehan mentafsir makna tersirat secara berkesan kerana asas merupakan tunjang kepada kestabilan dan tanpa asas yang kukuh, dalam konteks ini, pengetahuan dan kemampuan untuk menyampaikan ilmu akan terjejas dan matlamat pendidikan sukar dicapai (Desmond Muroh 2015). Pentingnya asas kepada sesuatu perkara agar konteks yang ingin disampaikan jelas penerimaan akan menjadi lebih mudah.

Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa kefahaman bakal guru terhadap peribahasa dipengaruhi oleh jenis peribahasa dan cara penyampaiannya. Analisis pola pembacaan melalui teknologi penjejakan mata mendapati bahawa peribahasa yang lebih panjang dan kompleks seperti pepatah, memerlukan perhatian yang lebih tinggi dan masa bacaan yang lebih lama. Selain itu, peribahasa yang dipersembahkan secara tersendiri didapati lebih mencabar untuk difahami berbanding apabila disampaikan dalam bentuk ayat. Kajian ini membuktikan bahawa pemahaman peribahasa bukan sahaja bergantung pada pengetahuan bahasa tetapi juga pada

konteks, strategi pembacaan dan pengalaman pembaca. Kajian ini memberi gambaran bahawa latihan yang lebih mendalam dan berstruktur dalam pengajaran serta pembelajaran peribahasa perlu diberi perhatian dalam pendidikan guru bagi memastikan bakal pendidik benar-benar menguasai aspek bahasa kiasan yang penting dalam pengajaran Bahasa Melayu.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada ibu bapa, keluarga, pensyarah dan semua pihak yang telah memberikan bimbingan, sokongan dan kerjasama semasa proses pelaksanaan penyelidikan dan penerbitan ini. Ucapan terima kasih khususnya ditujukan kepada penyelia dan pihak Fakulti Pendidikan serta Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia atas panduan dan peluang yang diberikan, juga kepada peserta kajian yang sudi meluangkan masa bagi menjayakan pengumpulan data kajian ini. Segala sumbangan idea dan bantuan yang diberikan telah memperkukuh kualiti kajian ini.

Rujukan

- Abdull Shukor Shaari. (2004). Keupayaan Mengajar Guru-Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Learning and Instruction* 1(1) : 179 – 198
- Abdull Shukor Shaari, Nuraini Yusoff, Mohd Izam Ghazali, Mohd Hasani Dali. (2011). Kanak-kanak Minoriti Orang Asli di Malaysia : Menggapai Literasi Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1(2) : 59 - 70
- Asmah Haji Omar. (2005). Budaya dan bahasa kiasan. *Jurnal Peradaban Melayu*
- Eunjeong Yun. (2020). Comparing the Reading Behaviors of Students with High-and Low-Level Comprehension of Scientific Terms by Eye Movement Analysis. *Res Sci Educ* 51, 939–956
- Fariqul Haq Tengku dan Khazriyati Salehuddin. (2020). Pembaca Ungkapan Literal dan Metafora Melayu : Satu Kajian Penjejakan Mata
- Hasmidar Hassan. (2016). Penginterpretasian Peribahasa dan Hubungannya dengan Kemahiran Berfikir: Analisis Berdasarkan teori Relevan
- Hamsiah Juki & Che Ibrahim Salleh. (2017). Penguasaan Peribahasa dalam Kalangan Murid Sekolah Kebangsaan. *Pertanika MAHAWANGSA*. 4(2) 345-360
- Junaini Binti Kasdan & Julaina Nopiah. Padi dalam Peribahasa Melayu : Analisis Semantik Inkuisitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 9(1) : 59-57
- Khazriyati Sallehuddin dan Ho Hong- Fa. (2017). Meneroka Kerumitan Kognitif dalam Membaca Jawi Melalui Kajian Pergerakan Mata. *GEMA Online* 12(4)
- Marriane Tang Nguik Hong, Nur Farakhanna Mohd Rusli, Noor Syamshida Masa & Norfaizah Abdul Jobar. (2021). Analisis Kefahaman Makna Peribahasa dalam Kalangan Murid Berdasarkan Teori Relevans. *Jurnal Linguistik*. Vol 25 (1)
- Martina Tothova & Rusek. (2025). Eye Tracking in Science Education Research : Comprehensive Literature Review. *Science and Education*
- Muhammad Faez Nurazman Amrullah, Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad & Zamri Mahamod. 2022. Pembangunan Modul Pengajaran Simpulan Bahasa : Analisis Keperluan Guru. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 12 (2) : 82-93
- Mokmin Basri. (2012). Bab 4 : Kaedah Kajian.
- Nor Kamilah Makhtar, Nur Aqilah Aminorhuddin, Nurhasanul Hayati Sharuddin, Nur Amera Syahirah Ismail, Anis Masruhah Faisal & Nur Aqila Sodiah Zamari @ Zamri. (2023). Penguasaan Peribahasa dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Menggunakan Permainan Juperma 1.0
- Nur Ainil Sulaiman, Khazriyati Salehuddin dan Rozainee Khairuddin. (2020). Reading

- English Academic Texts: Evidence from ESL Undergraduates' Eye Movement Data.
- Nur Hidayah Hisham, Norfaizah Abdul Jobarm Abdul Rasid Jamian & Marini Norzan. (2021). Persepsi Bakal Guru Terhadap Kerjaya, Peranan dan Beban Tugas Profesion Perguruan Masa Kini. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 11 : 26-38
- Nur Shahirah Mat Isa & Zamri Mahamod. (2021). Tahap Pengetahuan, Sikap dan Masalah Guru Bahasa Melayu Terhadap Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran Kontekstual Abad ke-21. *Jurnal Sosialisasi* 7(3) 58-65
- Nurjanah Mohd Jaafar dan Siew Ming Thang. (2020). Processing of a Multi- representational Science Passage by ESL Learners. *Journal of Language Studies* 20 (4) : 18-29
- Siti Humairah Abdul Rahaman & Nora'Azian Nahar. (2020). Kefahaman Makna Peribahasa dalam Kalangan Pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Kampus Pagoh. *International Young Scholars Journal od Languages*.
- Siti Noridayu And. Nasir & Hazlina Abdul Halim. (2023). Analisis Psikolinguistik dalam Kelemahan Pelajar Tingkatan Tiga Melalui Penulisan Karangan Esei Panjang Bahasa Melayu. *International Journal Of Islamic Products and Malay Civilization*
- Tad T. Brunye. Trafton Drew, Donald L. Weaver & Joann G. Elmore. (2019). A review of eye tracking for understanding and improving dianostic interpretation. *Cognitive Research : Principles and Implications* 4(7)
- Ungku Khairul Fadzli Ungku Abu Bakar, Muhammad Syafiq Ahmad Bukhari, Izzati Firdiana Kamarol Bahrin. (2020). Tahap kesediaan pensyarah terhadap penggunaan Google Classroom sebagai platform pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di Langkawi Tourism Academy@Kolej Komuniti Langkawi. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(4), 223-234.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. Bahasa dan Pemikiran dalam Peribahasa Melayu.(2011). *GEMA Online Journal of Language Studies*. Vol 11 (3) : 31
- Zamri Mahamod & Anita Abdul Rahman. (2020). Profesion Keguruan dan Pembangunan Insan. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Zamri Mahamod, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohd Mahzan Awang & Chew Fong Peng. (2017). Tahap Pemahaman, Penghayatan dan Pengamalan Jati Diri Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Aliran Pendidikan Universiti Awam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 7(1) 34- 43